

05 OCT 1998

KEADAAN DI MALAYSIA ADALAH SELAMAT, KATA DUTA JEPUN

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Ahli perniagaan Jepun di Malaysia diberitahu supaya memberitahu rakan-rakan mereka di Jepun, keadaan di Malaysia adalah selamat, walaupun terdapat pelbagai laporan media berkaitan politik dan ekonomi negara ini.

Duta Jepun ke Malaysia, Encik Issei Nomura berkata hari ini, ahli perniagaan Jepun tidak harus bimbang kerana pelaburan mereka di Malaysia adalah selamat.

"Apabila anda pulang ke Jepun, beritahu rakan-rakan anda, keadaan di Malaysia adalah selamat, walaupun terdapat pelbagai laporan media berkaitan negara ini," katanya pada perasmian konvensyen persatuan gedung-gedung perniagaan Jepun di sini.

Konvensyen itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata syarikat-syarikat Jepun di Malaysia masih meneruskan dan mengembangkan perniagaan mereka.

Beliau berkata kerajaan Jepun akan terus membantu syarikat-syarikat tersebut, dan memberikan mereka maklumat yang betul tentang negara ini.

Pengerusi Dewan Perdagangan dan Industri Jepun Malaysia (JACTIM), Tan Sri K Suzuki berkata langkah-langkah pengawalan ekonomi yang dilaksanakan Malaysia baru-baru ini adalah positif untuk melindungi keluaran syarikat.

Beliau berkata adalah satu kelebihan untuk melabur di Malaysia berikutan kestabilan politik, rakyat yang berpendidikan tinggi dan terdapatnya banyak sumber.

--BERNAMA

ARA RI